



## **SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT**

**S.A 2017/01/08 (HQ)**

### **GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK DI SEKITAR MOUNT AUSTIN, JOHOR JAYA**

Gangguan bekalan elektrik di sekitar hospital, kawasan Mount Austin dan Desa Tebrau, Johor Jaya bermula jam 8.29 pagi Khamis, 19 Januari 2017 telah pulih sepenuhnya pada jam 12.38 tengah hari.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) ingin memaklumkan gangguan selama 4 jam ini disebabkan kerosakan di Stesen Suis Utama (SSU) Hospital Ismail.

Kerja-kerja baikpulih telah dilaksanakan secara berperingkat manakala, set janakuasa dalaman turut digunakan dalam tempoh gangguan bekalan kepada sebahagian keperluan hospital terutamanya di kawasan-kawasan yang kritikal.

Punca kerosakan masih dalam siasatan dan segala kesulitan amat dikesali.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada jam 4:10 petang, 19 Januari 2017**

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Mohd Syafiq Khairul Salleh (013-3432346) / Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) /  
Puti Mazlina Mashudi (013-3642727)*

[\*media@tnb.com.my\*](mailto:media@tnb.com.my)